

SEJARAH TINGKATAN 4

SOALAN DAN JAWAPAN

**BAB 9 : PERKEMBANGAN DI EROPAH**

**Tajuk : Zaman Gelap**

*Soalan Struktur*

**(a) Apakah ciri-ciri utama Zaman Gelap di Eropah ?**

*(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 215 - 216)*

- Pentadbiran pusat yang lemah
- Kelembapan dalam ilmu pengetahuan
- Kegiatan ekonomi yang terhad.
- Sifat gereja yang mengongkong

**[4 x 1m = Mak. 2 markah]**

**(b) Nyatakan ciri-ciri persamaan antara feudalisme di Eropah dengan ciri-ciri yang terdapat dalam masyarakat Melayu tradisional.**

*(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 216)*

- Raja menjadi penaung utama dalam negara
- Raja memiliki tanah secara mutlak
- Raja menaungi pembesar
- Pembesar memberi khidmat kepada raja
- Rakyat memberi khidmat kepada tuan tanah / pembesar
- Terdapat golongan hamba

**[6 x 1m = Mak. 2 markah]**

**(c) Nyatakan sebab-sebab kegiatan perdagangan di Eropah tidak begitu meluas pada Zaman Gelap.**

*(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 216)*

- Gangguan orang-orang gasar
- Kawasan Mediterranean dikuasai oleh pedagang Islam
- Masyarakat Eropah menumpukan kepada kegiatan pertanian
- Perdagangan terhad kepada perniagaan barangan pertanian
- Penggunaan mata wang yang terhad
- Masih menggunakan sistem barter

[6 x 1m = Mak. 3 markah]

**(d) Sebutkan perubahan-perubahan yang berlaku pada Zaman Peralihan dari Zaman Gelap ke Zaman Renaissance.**

*(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 216)*

- Gereja berperanan sebagai institusi yang universal
- Gereja menjadi agen penyatuan
- Berlaku peningkatan aktiviti pertanian
- Berlaku pertambahan penduduk
- Wujudnya kegiatan perdagangan
- Kemunculan bandar-bandar
- Munculnya golongan pertengahan
- Rakyat terlibat dalam urusan politik

[8 x 1m = Mak. 3 markah]

**Tajuk : Zaman Renaissance**

*Soalan Struktur*

**Kesungguhan manusia mencari penyelesaian kepada permasalahan hidup dan kesediaan mereka untuk meneroka bidang baru telah menyebabkan Zaman Renaissance bermula di Itali dan telah meninggalkan kesannya dalam pelbagai bidang.**

**(a) Apakah yang dimaksudkan dengan Zaman Renaissance ?**

*(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms.217)*

Renaissance bermaksud kelahiran semula yang merujuk kepada penghargaan semula ilmu yang telah dihasilkan oleh cendekiawan dalam tamadun Yunani dan Rom.

[2 markah]

**(b) Senaraikan ciri-ciri yang terdapat di negara Itali sehingga menyebabkan tercetusnya Renaissance di situ ?**

*(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms.217)*

- Kemunculan bandar-bandar yang menjadi pusat perdagangan antarabangsa
- Berlakunya pertembungan budaya, agama dan bahasa di bandar-bandar utamanya
- Itali menjadi pusat perkembangan idea baru.
- Kemunculan pedagang yang menggunakan kekayaan untuk mengindahkan bandar
- Pedagang kaya menjadi penaung (patron) kepada cendekiawan

- Persaingan antara bandar-bandar untuk mendapatkan tokoh cendekiawan
- Cendekiawan yang sering berkunjung dari bandar ke bandar membantu menyebarkan idea Renaissance
- Penguasa Gereja di Rom turut menjadi penaung kepada seniman dan cendekiawan

[8 x 1m = Mak. 3 markah]

**(c) Sebutkan dua orang tokoh cendekiawan Itali yang muncul pada Zaman Renaissance.**

*(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms.217- 219)*

- Francesco Petrarch
- Niccolo Machiavelli
- Giovanni Bocaccio
- Galileo Galilei
- Leonardo da Vinci
- Raphael
- Michelangelo

[7 x 1m = Mak. 2 markah]

**(d) Nyatakan kesan-kesan yang wujud hasil daripada Zaman Renaissance.**

*(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms.219 - 220)*

- Kemunculan monarki baru
- Kegiatan ekonomi sara diri kian pupus
- Sistem perdagangan semakin berkembang
- Berlakunya kegiatan penjelajahan dan penerokaan
- Berkembangnya ilmu pengetahuan
- Lahirnya seniman dalam masyarakat
- Berlaku perubahan sikap masyarakat terhadap pendidikan yang menekankan pemikiran logik dan saintifik.

[7 x 1m = Mak. 3 markah]

**Tajuk : Gerakan Reformation**

**Soalan Esei**

**(a) Apakah kepincangan institusi gereja yang mendorong berlakunya gerakan Reformation di Eropah Barat pada kurun ke-16.**

*(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms.221)*

**Keduniaan** - Pihak Gereja lebih mementingkan usaha pembangunan keduniaan.

**Rasuah** - Rasuah dan penyelewengan berlaku di kalangan pihak Gereja.

**Cara Hidup** - Cara hidup penguasa Gereja tidak selari dengan kitab Bible.

**Gaya** - Penguasa Gereja lebih cenderung mengamalkan gaya hidup pemerintah dan golongan bangsawan.

**Agama** - Gaya hidup mereka tidak mencerminkan kehidupan keagamaan.

**Indulgences** - Penjualan sijil indulgences.

[6 x 2m =10 markah]

**(b) Zaman Reformation telah menimbulkan beberapa kesan yang mendalam terhadap Eropah. Jelaskan.**

*(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms.222)*

**Mazhab** - Negara Eropah berpecah mengikut mazhab masing-masing

**Peperangan** - Perbalahan agama mengakibatkan peperangan dan kemusnahan.

**Banyak** - Masyarakat Eropah dikuasai oleh banyak mazhab.

**Pendidikan** - Timbulnya sikap toleransi antara pelbagai mazhab untuk mempergiatkan pendidikan.

**Sebar** - Setiap mazhab berusaha menyebarkan fahaman masing-masing.

**Cabar** - Kuasa Gereja telah dicabar secara terbuka.

**Kuasa** - Kuasa Gereja terhadap kerajaan semakin berkurang.

**Monarki** - Monarki Baru membebaskan diri daripada penguasaan Paus di Rom.

[8 x 2m = 10 markah]

**Tajuk : Penjelajahan dan Penerokaan**

*Soalan Esei*

(a) Huraikan faktor-faktor yang mendorong kegiatan penerokaan dan penjelajahan orang Eropah ke Timur.

*(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms.223 - 225)*

**Istanbul** - Penguasaan Istanbul oleh orang Islam menyebabkan orang Eropah sukar mendapat barang dagangan .

**Barangan** - Orang Eropah ingin mendapatkan sendiri barangan dari Timur.

**Sebar** - Gereja Katolik memberi galakan supaya menyebarkan Kristian.

**Raja** - Raja Sepanyol dan Portugal memberi galakan kepada usaha penerokaan.

**Persaingan** - Persaingan negara-negara Eropah untuk mendapatkan tanah jajahan.

**Tordisellas** - Perjanjian Tordisellas 1494 telah menetapkan pembahagian pengaruh antara Portugal dan Sepanyol.

**Pelaut** - Kemunculan pelaut yang berkebolehan.

**Semangat** - Semangat yang berani dan optimistik.

**Slogan** - Dorongan slogan “Gold, Gospel and Glory”

[9 x 2m = 8 markah]

(b) Nyatakan kesan-kesan penjelajahan dan penerokaan terhadap masyarakat di luar Eropah.

*(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms.225 - 226)*

**Perjanjian** - Penguasa tempatan terpaksa membuat perjanjian dengan wakil kuasa Eropah.

**Syarikat** - Pemerintah tempatan mengiktiraf kekuatan kuasa Eropah melalui syarikat berpiagam.

**Pembekal** - Negara luar Eropah menjadi pembekal barang keperluan masyarakat Eropah.

**Emporium** - Pusat emporium dunia telah dikuasai oleh kuasa Eropah.

**Bolot** - Kekayaan negeri jajahan dibolot oleh kuasa Eropah.

**Jalan** - Jalan perdagangan yang dahulunya dikuasai oleh orang Islam telah dikuasai pula oleh kuasa Eropah.

**Gaya hidup** - Masyarakat tempatan terpengaruh dengan gaya hidup Eropah.

**Agama** - Masyarakat peribumi menerima agama Kristian.

**Masyarakat** - Penghijrahan beramai-ramai orang Eropah mewujudkan sebuah masyarakat baru di wilayah yang ditakluki.

**Tamadun** - Tamadun tempatan telah dihapuskan oleh kuasa Eropah.

**Buruh** - Buruh tempatan dieksploitasi untuk kepentingan ekonomi kuasa Eropah.

**Petempatan** - Munculnya petempatan orang Eropah di negara-negara yang ditakluki.

[12 x 2m = Mak. 12 markah]